



Ruj. Kami: BPA/TH/49/2006.02/MPPJ/23958(9)
Tarikh: 25/05/2007



Puan Mary Varghese
No. 17, Jalan PJU 1/A/26E,
Ara Damansara,
47310 Petaling Jaya,
SELANGOR DARUL EHSAN

Puan,

KES 23958. ADUAN BERKENAAN KACAUGANGGU BUNYI BISING DARI 'HANGER AIR CRAFT' KEPUNYAAN SYARIKAT TRANSMILE

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Ingin dimaklumkan bahawa pentadbiran ini telah menerima maklumbalas dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya bth 29 Mac 2007 dan memaklumkan bahawa pemeriksaan di lapangan telah dilakukan dan didapati kawasan yang diadu berada di luar kawasan pentadbiran Majlis. Bagaimanapun, semakan mendapati bahawa Mesyuarat Pemantauan Aduan peringkat Majlis yang telah bersidang pada 3 Mei 2005 telah memutuskan supaya pihak MBPJ mengadakan perbincangan bersama pihak pengurusan 'hangar' Transmile tersebut bagi mengambil tindakan segera berkenaan dengan operasi dan waktu operasi mereka. Pihak Majlis berpendapat bahawa Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor juga perlu di dalam perkara ini dengan memberi pandangan dan nasihat serta tindakan yang sewajarnya. Pandangan ini dibuat selepas JAS Selangor mengemukakan maklumbalas bertarikh 28 Mei 2005 bahawa bunyi bising daripada aktiviti yang dijalankan adalah diluar bidang kuasa JAS dan meminta kerjasama MBPJ untuk menyasiat dan mengambil tindakan terhadap aduan tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, MBPJ telah berbincang dengan pihak pengurusan hanger transmile mengenai permasalahan tersebut dan waktu mereka beroperasi. MBPJ juga telah disyorkan oleh Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam MBPJ supaya berbincang dengan pihak pemaju perumahan untuk menyelesaikan masalah dengan menyediakan tembok penghadang bunyi di kawasan perumahan tersebut.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

2/..

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ASMAWAR BIN SAMAT, AMS)

Pengarah

Biro Pengaduan Awam

W.P. Kuala Lumpur/Selangor

Jabatan Perdana Menteri

Emel : asmawar@bpa.jpm.my

Tel : 03 2691 1346